



JABATAN PERANGKAAAN
MALAYSIA

BULETIN KHAS NEGERI

"Sebanyak 46.6 % dari 168,182 individu yang bekerja sendiri hilang pekerjaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)."
Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawan Malaysia

DOSM/BK/Negeri Sembilan/6.2020/Siri13


"KERAJAAN Negeri Sembilan menyediakan inisiatif bantuan dan rangsangan ekonomi berjumlah RM13.74 juta sebagai usaha meringankan beban rakyat ketika berhadapan saat sukar berikutan Covid-19." - **YAB Menteri Besar Negeri Sembilan, 26 Mac 2020**

Negeri Sembilan menyumbang 3.4 peratus kepada ekonomi nasional pada tahun 2018 dengan merekodkan nilai ditambah **RM45.7 bilion** (2017: RM43.8 bilion). **Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan** merupakan dua (2) sektor yang mendominasi struktur ekonomi Negeri Sembilan. Kedua-dua sektor ini masing-masing menjana **RM22.1 bilion (48.4 peratus)** dan **RM17.2 bilion (37.7 peratus)** kepada nilai KDNK Negeri Sembilan.



Sepuluh Negara Teratas yang Melabur Dalam Projek Pembuatan di Negeri Sembilan, 2016-2018


MIDA melaporkan nilai **pelaburan asing projek pembuatan** yang telah diluluskan di Negeri Sembilan dalam tempoh 2016-2018 adalah **RM3,957.3 juta**. **China, Japan, Singapura** dan **Denmark** merupakan empat (4) negara yang mendominasi pelaburan asing projek pembuatan di Negeri Sembilan. Keempat-empat negara ini menyumbang **63.3 peratus** kepada keseluruhan nilai pelaburan asing bagi projek pembuatan di Negeri Sembilan bagi keseluruhan tahun 2016-2018.



Nilai Ditambah dan Peratus Sumbangan Mengikut Sektor Negeri Sembilan, 2018

Sumber: Laporan Sosioekonomi Negeri Sembilan 2018

Penduduk : 1.1 Juta
Kepadatan Penduduk : 171/km²



Kadar Kesuburan : 2.1
Kadar Kelahiran Kasar : 16.2
Kadar Kematian Kasar : 6.4

Bil. Hospital : 14 buah
Bil. Klinik Kerajaan : 163 buah

Bil. Katil Hospital
2016 - 2,239 katil
2017 - 2,428 katil




Bil. Doktor
2016 - 2,108 orang
2017 - 2,470 orang

Bil. Jururawat
2016 - 4,587 orang
2017 - 4,851 orang

Sumber: MyLocal Stats Negeri Sembilan, 2018

Jumlah **perdagangan** melalui pintu keluar dan masuk Negeri Sembilan bagi bulan Mac 2020 bernilai **RM0.8 bilion** (Mac 2019: RM1.0 bilion). Nilai ini menyumbang **0.5 peratus** kepada keseluruhan nilai jumlah perdagangan Malaysia pada bulan Mac 2020.



Eksport, Import dan Jumlah Perdagangan Berdasarkan Pintu Keluar dan Masuk, Negeri Sembilan

Eksport, Import dan Jumlah Perdagangan Berdasarkan Pintu Keluar dan Masuk, Negeri Sembilan, 2019

	RM Juta		
	Eksport	Import	Jumlah Perdagangan
NEGERI SEMBILAN	1,200	10,614	11,814

Pada tahun 2019, Negeri Sembilan mencatatkan nilai eksport (melalui pintu keluar dan masuk) bernilai **RM1.2 bilion** manakala jumlah nilai import pula bernilai **RM10.6 bilion**. **Jumlah perdagangan** yang direkod pula adalah **RM11.8 bilion**.

Sumber: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan (Mac 2020)





JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A

"KERAJAAN Negeri Sembilan bersetuju memberi Bantuan Khas Kewangan (BKK) 2020 sebanyak RM1,000 kepada 6,459 penjawat awam negeri, pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun negeri." – *MyMetro*, 15 April 2020

Bilangan Pelawat Domestik Mengikut Jenis Pelawat ke Negeri Sembilan, 2017 Dan 2018

	2017	2018
Jumlah ('000) Total	10,822.3	12,802.1
Pelawat harian Excursionist	5,478.1	6,726.7
Pelancong Tourist	5,344.2	6,075.4

Sumber: MyLocal Stats Negeri Sembilan, 2018

Tahun 2018 menunjukkan Negeri Sembilan menerima 12.8 juta pelawat domestik. Daripada bilangan tersebut, 6.7 juta (52.5 peratus) merupakan pelawat harian dan 6.1 juta (47.5 peratus) adalah pelancong.

Bilangan Pelawat yang Menginap di Hotel, Negeri Sembilan, 2016 - 2018

Kategori	2016	2017	2018
Domestik	1,902.1	1,951.4	2,005.1
Antarabangsa	460.0	461.8	459.3
Jumlah ('000)	2,362.1	2,413.2	2,464.4

Sumber: MyLocal Stats Negeri Sembilan, 2018


Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia melaporkan bahawa bilangan pelawat yang menginap di hotel Negeri Sembilan pada tahun 2018 telah meningkat kepada 2.46 juta berbanding 2.41 juta pada 2017.

BULETIN KHAS NEGERI

Statistik Utama Tenaga Buruh, Negeri Sembilan, 2018-2019


Tahun	Tenaga buruh ('000)	Penduduk bekerja ('000)	Penganggur ('000)	Kadar penyertaan tenaga buruh (%)	Kadar pengangguran (%)
2018	503.6	488.6	14.9	65.8	3.0
2019	497.8	482.5	15.4	64.7	3.1

Pada tahun 2019, **penduduk bekerja** di Negeri Sembilan adalah **482.5 ribu orang** dengan **kadar penyertaan tenaga buruh** adalah **64.7 peratus** (Malaysia: 68.7 peratus). **Kadar pengangguran** pada tahun 2019 meningkat kepada **3.1 peratus** (Malaysia: 3.3 peratus) berbanding 3.0 peratus dicatatkan tahun 2018.



Penduduk Bekerja Mengikut Industri 2019, Negeri Sembilan

Pada tahun 2019, industri **pembuatan** mencatatkan bilangan penduduk bekerja paling ramai di Negeri Sembilan iaitu **87.7 ribu pekerja (18.2 peratus)** diikuti dengan industri **perdagangan borong, dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal, 80.2 ribu pekerja (16.6 peratus)**. Industri **penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman** dan **pertanian, perhutanan dan perikanan** masing-masing mencatatkan **48.4 ribu pekerja (10.0 peratus)** dan **37.1 ribu pekerja (7.7 peratus)** pada tahun yang sama. Keempat-empat industri ini merupakan aktiviti utama yang menjadi tumpuan **52.5 peratus** pekerja di Negeri Sembilan.



Unjuran Penduduk Negeri Sembilan, 2020 Mengikut Kumpulan Umur

Komposisi umur penduduk di Negeri Sembilan boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan utama iaitu kumpulan umur muda (0-14 tahun), kumpulan umur bekerja (15-64 tahun) dan umur tua (65 tahun dan lebih).

Unjuran tahun 2020 menunjukkan penduduk di Negeri Sembilan dimonopoli oleh kumpulan umur bekerja iaitu 69.9 peratus daripada keseluruhan penduduk diikuti kumpulan umur muda 21.8 peratus dan kumpulan umur tua 8.2 peratus.





JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A

Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan N. Sembilan, 2014 & 2016

	MALAYSIA		N.SEMBILAN	
	2014	2016	2014	2016
Penengah (RM)				
<i>Median</i>	4,585	5,228	4,128	4,579
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun	"	6.6	"	5.2
<i>Compounded annual growth rate</i>				
Purata (RM)				
<i>Mean</i>	6,141	6,958	5,271	5,887
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun	"	6.2	"	5.5
<i>Compounded annual growth rate</i>				

Sumber: HIS, 2016

Pekali Gini dan Insiden Kemiskinan, Malaysia dan N.Sembilan, 2014 & 2016

	MALAYSIA		N.SEMBILAN	
	2014	2016	2014	2016
Pekali Gini				
<i>Gini Coefficient</i>	0.401	0.399	0.361	0.380
Insiden Kemiskinan				
<i>Incidence of poverty</i>	0.6	0.4	0.4	0.2

Sumber: HIS, 2016

Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah dan Purata Bagi Kumpulan Pendapatan Mengikut Pendapatan, Malaysia dan N.Sembilan, 2016

	MALAYSIA		N.SEMBILAN	
	2014	2016	2014	2016
Penengah (RM)				
<i>Median</i>				
Terendah 40% -B40		3,000		2,658
Pertengahan 40% -M40		6,275		5,409
Tertinggi 20% -T20		13,148		10,857
Purata (RM)				
<i>Mean</i>				
Terendah 40% -B40		2,848		2,569
Pertengahan 40% -M40		6,502		5,572
Tertinggi 20% -T20		16,088		13,160

Sumber: HIS, 2016

Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan N.Sembilan, 2014 & 2016

	MALAYSIA		N.SEMBILAN	
	2014	2016	2014	2016
Penengah (RM)				
<i>Median</i>	2,946	3,314	2,746	3,123
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun	"	5.9	"	6.4
<i>Compounded annual growth rate</i>				
Purata (RM)				
<i>Mean</i>	3,578	4,033	3,117	3,688
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun	"	6.0	"	8.4
<i>Compounded annual growth rate</i>				

Sumber: HIS, 2016

Indeks Harga Pengguna (2010=100), Kumpulan Utama, Negeri Sembilan, 2019 & 2020

KUMPULAN UTAMA	2019		2020
	Mac	Feb	Mac
Jumlah	122.1	123.3	121.4
Makanan dan Minuman Bukan Alkohol	132.1	133.6	133.2
Minuman Alkohol dan Tembakau	169.9	170.4	170.1
Pakaian dan Kasut	100.4	99.5	99.5
Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain	119.8	121.4	121.4
Hiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Isi Rumah	115.0	115.1	115.1
Kesihatan	124.9	125.5	125.7
Pengangkutan	116.3	115.3	103.9
Komunikasi	99.2	102.6	102.6
Perkhidmatan Rekreasi dan Kebudayaan	114.5	115.7	115.6
Pendidikan	113.9	115.1	115.1
Restoran dan Hotel	125.2	126.8	126.5
Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan	108.7	110.5	110.6

Sumber: IHP, Mac 2020

Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi Negeri Sembilan menurun 0.6 peratus pada Mac 2020 kepada 121.4 berbanding 122.1 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan bulanan, IHP Mac 2020 Negeri Sembilan menurun 1.5 peratus kepada 121.4 berbanding Februari 2020.


"Mungkin ada peniaga yang tidak bertanggung jawab dan mengambil kesempatan menaikkan harga. Oleh itu, KPDNHEP akan melaksanakan Skim Harga Maksimum," - Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, 12 April 2020






Statistik COVID-19 Negeri Negeri Sembilan


Bilangan Kes Baharu Harian COVID-19, Negeri Sembilan




Bilangan Kumulatif Kes COVID-19, Negeri Sembilan




Bilangan Kes COVID-19 Mengikut Negeri




Peratusan Kes Pulih, Aktif dan Kematian Mengikut Negeri



Bilangan Kes COVID-19 Mengikut Daerah, Negeri Sembilan



Peratusan Kes Negeri Sembilan Terhadap Malaysia



Nota : Dikemaskini sehingga 19 Mei 2020
Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia





JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A

Impak Covid-19 di Negeri Sembilan

Perkhidmatan Klinik (Swasta)

Klinik Swasta yang beroperasi sepanjang PKP perlu mematuhi operasi pembukaan dan penutupan perniagaan yang telah ditetapkan. Hasil pendapatan urusniaga **berkurangan 60%** akibat daripada PKP ini. Bagi klinik yang bersempadan dengan negeri seperti Selangor, tiada lagi pesakit dari negeri lain yang datang untuk mendapatkan rawatan berikutan kawalan di sempadan negeri diperketatkan.



Perkhidmatan Perhotelan

Sektor pelancongan merupakan salah satu penyumbang ekonomi di Negeri Sembilan terutamanya bagi daerah Port Dickson. Beberapa hotel utama di Port Dickson dimaklumkan tidak menjalankan operasi dalam tempoh PKP. Manakala perkhidmatan hotel di daerah Seremban, kesan COVID-19 telah mula dirasai seawal bulan Februari lagi dengan **penurunan hasil 10%**. Pada bulan Mac, **penurunan lebih ketara iaitu 50%** telah direkodkan.




Aktiviti Pembuatan dan Perkhidmatan Berkaitan Percetakan

Aktiviti percetakan borang, kain rentang, gegantung dan cenderahati tidak beroperasi sepanjang PKP ini. Namun begitu, hanya bahagian frontliner sahaja iaitu operator mesin yang beroperasi dengan bilangan pekerja yang terhad kepada 2 orang. Ini menyebabkan nilai jualan terjejas dengan **penurunan sehingga 70%** dan pengeluaran produk **berkurangan 20%**. Tiada pemberhentian pekerja dilaporkan.



Perkhidmatan Jualan Kenderaan Bermotor

Tidak menjalankan operasi sepanjang tempoh PKP.




Perkhidmatan Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan Bermotor



Menunjukkan nilai hasil yang berkurangan pada bulan Mac iaitu **penurunan 40%** disebabkan waktu operasi yang dipendekkan daripada jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang.

Serta perkhidmatan *towing service* dibenarkan beroperasi, tetapi hanya 1 syarikat sahaja yang beroperasi sepanjang tempoh PKP ini.

Perkhidmatan Jualan, Penyelenggaraan dan Pembaikan Motosikal dan Komponen (Termasuk Alat Ganti) dan Aksesori Berkaitan



Perkhidmatan ini melaporkan nilai hasil **berkurangan sehingga 50%** walaupun stok alat ganti masih ada dan tiada kenaikan harga. Ini adalah disebabkan kerajaan membenarkan hanya 1 syarikat sahaja yang beroperasi seperti biasa. Bagi sektor jualan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori kenderaan bermotor, nilai hasil **berkurangan 45%**. Semua syarikat tidak beroperasi dan tiada pemberhentian pekerja dilaksanakan sepanjang tempoh PKP.





JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A

Impak Covid-19 di Negeri Sembilan

Perkhidmatan Jualan Borong Getah

Pada peringkat awal pelaksanaan PKP, semua syarikat tidak menjalankan operasi. Namun begitu, arahan terbaru daripada kerajaan mengarahkan syarikat untuk beroperasi bagi menerima penjualan getah daripada pekebun kecil dan *rubber dealer*. Kebanyakan syarikat mula beroperasi semula. Nilai hasil industri ini **berkurangan 60%** pada bulan Mac 2020. Pengurangan nilai hasil antaranya disebabkan oleh:

- Perintah Kawalan Pergerakan
- Penurunan harga pasaran getah
- Pengurangan hasil getah (musim daun gugur)



Perkhidmatan Jualan Borong Bahan Buangan dan sekerap dan produk lain

Syarikat yang menjalankan aktiviti jualan borong sekerap getah hanya beroperasi untuk membuat pembelian getah daripada penoreh getah (pekebun kecil) sahaja. Nilai hasil jatuh sehingga 75%. Penurunan hasil ini disebabkan oleh penurunan harga pasaran getah. Tiada pekerja diberhentikan. Manakala syarikat yang menjalankan aktiviti jualan borong **bahan kimia industri** tidak menjalankan operasi sepanjang tempoh PKP. Dilaporkan jumlah stok barangan adalah tinggi dan tidak boleh dibawa keluar untuk penghantaran kepada pembeli. **Nilai hasil berkurangan** pada bulan Mac. Tiada pemberhentian pekerja dilaporkan.



Bagi aktiviti jualan borong **baja dan produk agrokimia**, terdapat syarikat yang menjalankan operasi dalam tempoh PKP. Waktu operasi perniagaan dipendekkan dan hanya menjual stok yang ada sahaja. **Nilai hasil berkurangan sehingga 30%**. Tiada pekerja yang diberhentikan.



Perkhidmatan Jualan Borong Minyak Kelapa Sawit

Syarikat beroperasi seperti biasa sepanjang tempoh PKP. Nilai hasil tidak terjejas dan semua pekerja bekerja seperti biasa.



Perkhidmatan Jualan Runcit di Stor Bukan Pengkhususan

Kedai runcit beroperasi sepanjang tempoh PKP. Terdapat **peningkatan nilai jualan 10%**. Stok barang mulai berkurangan terutamanya gula, minyak masak, makanan dalam tin, beras dan roti. Pengguna melaporkan terdapat peningkatan harga barang bagi telur dan bawang. Waktu operasi yang dibenarkan adalah dari 7.00 pagi hingga 7.00 petang. Pekerja juga bekerja seperti biasa. Tiada pemberhentian pekerja dilaporkan.

Pasar mini beroperasi sepanjang tempoh PKP mengikut waktu operasi yang dibenarkan. Terdapat **peningkatan nilai jualan** yang mendadak direkodkan **60%** disebabkan oleh *panic buying* yang berlaku di peringkat awal PKP. Stok barang yang ada masih mencukupi dan harga barangan juga tiada perubahan. Nilai jualan **gedung serbaneka dan pasar raya** dilaporkan **berkurangan sehingga 40%** kerana hanya bahagian runcit dan keperluan harian sahaja yang beroperasi. Stok barang adalah mencukupi dan tiada peningkatan harga barang dilaporkan. Tiada pemberhentian pekerja dilaporkan.



Perkhidmatan Jualan Runcit Barangan Lain di Stor Pengkhususan

Terdapat syarikat yang beroperasi sepanjang PKP dari jam 7.00 pagi - 5.00 petang. Syarikat memaklumkan **nilai hasil berkurangan sehingga 25%** dan stok barang juga berkurangan sehingga 30%. Ini disebabkan pembekal tidak dapat menghantar stok mengikut masa yang dijanjikan. Tiada pemberhentian pekerja dilaporkan.






JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A

Impak Covid-19 di Negeri Sembilan

Perkhidmatan Jualan Runcit Makanan, Minuman dan Tembakau di Stor Pengkhususan



Walaupun kerajaan membenarkan menjalankan operasi, terdapat juga syarikat yang tidak beroperasi kerana tidak berani mengambil risiko terkena jangkitan sekiranya membuka kedai. Bagi syarikat yang menjalankan operasi, nilai hasil dilaporkan **meningkat 25%**. Waktu beroperasi adalah mengikut saranan kerajaan iaitu 7.00 pagi hingga 7.00 petang. Tiada pemberhentian pekerja dilaporkan.

Syarikat jua memaklumkan, terdapat kesukaran untuk mendapatkan stok sayur dan telur. Harga bagi dua item ini juga dilaporkan meningkat.

Perkhidmatan Jualan Barang Basah

Kedai-kedai yang menjual barang basah di pasar beroperasi sepanjang PKP. Waktu operasi adalah dari jam 6.00 pagi hingga 2.00 petang. Makluman daripada kedai ikan, **nilai hasil berkurangan 40%** kerana kekurangan bekalan dan pembekal turut meletakkan harga yang tinggi. Kedai sayur juga memaklumkan **nilai hasil berkurangan 20%**. Tiada pemberhentian pekerja dilaporkan.



Perkhidmatan Katering

Selepas penguatkuasaan PKP, banyak tempahan ditangguhkan atau dibatalkan. Anggaran **kerugian adalah 80%**.

Masalah yang dihadapi oleh syarikat adalah:



- Harga bahan mentah terutama bahan basah seperti sayur dan buah meningkat lebih 50%;
- Peningkatan kos kerana penggunaan bahan pembungkus bagi makanan yg disediakan;
- Kesukaran mendapatkan bahan mentah kerana kesukaran menghantar bekalan berikutan sekatan;
- Kebanyakan stok bahan mentah di pasaraya juga sukar diperoleh kerana kekurangan stok;
- Kesukaran mendapat tenaga kerja kerana ramai pekerja tidak berani untuk keluar rumah. Gaji pekerja dibayar secara harian; dan
- Peningkatan harga perkhidmatan yang ditawarkan bagi mengimbangi peningkatan kos.

Perkhidmatan Restoran Makanan Segera

Nilai jualan **berkurang kepada 70%** dan bilangan pelanggan menurun sebanyak 70%. serta pembelian bahan mentah dikurangkan sebanyak 50%. Manakala pekerja *part time* diberikan cuti sepanjang tempoh PKP.



Perkhidmatan Jualan Runcit Peralatan Telekomunikasi

Nilai hasil **berkurangan sehingga 50%** dengan baki stok sebanyak 50%. Tiada pemberhentian pekerja dilaporkan.



Perkhidmatan Jualan Runcit Bahan Api Kenderaan

Kajian mendapati **nilai hasil bagi industri ini berkurangan sehingga 70%**. Kebanyakan syarikat beroperasi dengan menghabiskan stok yang sedia ada. Tiada pemberhentian pekerja dilaksanakan. Namun kebanyakan syarikat melaksanakan sistem giliran bekerja yang menghadkan jumlah pekerja pada sesuatu masa.



Perkhidmatan Farmasi

Semua syarikat beroperasi sepanjang PKP. **Nilai jualan merosot sehingga 40%**. PKP amat memberi kesan ke atas pendapatan peniagaan.



Perkhidmatan Jualan Kedai Ubat (Tradisional Cina)

Perniagaan beroperasi dalam tempoh PKP ini. Hasil jualan **berkurangan 50%** disebabkan bilangan pelanggan yang datang ke kedai semakin berkurangan.



@STATSMalaysia



#MyStatsDay



#MyCensus2020



#LeaveNoOneBehind






JABATAN PERANGKAAN
M A L A Y S I A

Impak Covid-19 di Negeri Sembilan

Perkhidmatan Jualan Alat Perkakasan (hardware)


Nilai jualan telah **berkurang 70%**. Berlaku kekurangan tenaga pekerja disebabkan tidak hadir bekerja walaupun dipanggil majikan kerana khawatir dengan keadaan Covid-19 pada masa kini. Terdapat pemberhentian pekerja oleh majikan disebabkan hasil jualan yang kian merosot.

Peniaga mengeluh hasil jualan semakin merosot. Pengangkutan lori tidak dapat beroperasi berikutan banyak operasi sektor pembinaan dihentikan. Pembelian hanya setakat skru, paip, cat dan sebagainya.



Pembuatan Komputer, Produk Elektronik dan Optikal

Semua syarikat yang menjalankan aktiviti ini tidak beroperasi sepanjang tempoh PKP. Nilai jualan yang dilaporkan juga **berkurangan sehingga 50%**. Tiada pemberhentian pekerja dilaporkan.



Pembuatan Kelengkapan Elektrik

Semua syarikat yang menjalankan aktiviti ini tidak beroperasi sepanjang PKP. Nilai jualan **berkurangan sehingga 40%**. Pengeluaran produk yang telah dilakukan pada bulan Februari sehingga pertengahan Mac tidak dapat dikeluarkan daripada kilang. Tiada pemberhentian pekerja dilakukan. Namun begitu, terdapat syarikat yang membayar gaji pekerja sehingga 17 Mac 2020 sahaja.




Perkhidmatan Jualan Runcit Perabot Isi Rumah

Pengusaha kedai perabot tidak beroperasi sepanjang PKP kerana tidak termasuk di bawah pengelasan *essentials*. Nilai jualan **menurun 50% hingga 60%**. Kebiasaannya sebelum menyambut perayaan Hari Raya, hasil jualan akan meningkat. Tiada pemberhentian tenaga kerja dan pembayaran gaji adalah seperti biasa.



Pembuatan Perabot

Terdapat kilang yang beroperasi dalam tempoh PKP. Namun nilai jualan tetap **berkurangan sehingga 40%** kerana stok produk tidak dapat dikeluarkan daripada kilang. Tiada pemberhentian pekerja dilaporkan.



Sektor Perlombongan dan Pengkuarian

Kajian ke atas syarikat perlombongan dan pengkuarian telah dilaksanakan dan didapati semua pertubuhan tidak beroperasi sepanjang PKP.

Nilai jualan didapati **merosot 60%**. Syarikat tidak dapat menjalankan operasinya kerana kilang-kilang juga turut tidak beroperasi. Operasi perniagaan ini berkait rapat di antara satu sama lain.

Dilaporkan juga tiada pemberhentian pekerja dan terdapat syarikat di mana gaji pada bulan Mac dibayar sepenuhnya dan terdapat juga syarikat yang telah mengambil tindakan untuk memotong gaji pekerja sebanyak 8%.





JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A

Impak Covid-19 di Negeri Sembilan

Pembuatan Produk Berasaskan Getah

Kajian mendapati **75% syarikat tidak beroperasi** sepanjang PKP dan **nilai jualan syarikat merosot di antara 20% sehingga 50%** disebabkan penutupan di bahagian pengeluaran produk dan juga tiada bahan mentah untuk diproses. Tiada pemberhentian pekerja dan pembayaran gaji hanya melibatkan gaji asas sahaja.



Pembuatan Produk Getah, Pembuatan Produk Lain Daripada Getah Asli Atau Sintetik, Tidak Divulkan, Divulkan Atau Dikeraskan

Tidak beroperasi sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Nilai pengeluaran produk **berkurangan sehingga 35%**. Tiada pemberhentian pekerja dilaporkan.

Pembuatan Pengilangan Semula Getah dan Prosesan Susu Getah

Kilang tidak beroperasi semasa PKP. Hanya bahagian pengumpulan skrap sahaja dibuka setiap hari pada waktu yang telah ditetapkan. **Hasil pengeluaran berkurangan sebanyak 50%**. Turut dilaporkan pekerja di bahagian penerimaan sahaja yang bekerja. Tiada pemberhentian pekerja dilaporkan.

Pembuatan Sarung Tangan Getah

Semua syarikat beroperasi sepanjang tempoh PKP. Nilai jualan yang diperolehi adalah sama dengan bulan-bulan sebelum ini. Kilang turut beroperasi secara optimum. Bahan mentah diimport dari Thailand dan mendapat kelulusan. Namun begitu, terdapat masalah mendapatkan bahan cecair kimia untuk memproses getah kerana kilang berkaitan tidak beroperasi sepanjang tempoh PKP. Dimaklumkan jua, waktu kilang beroperasi adalah seperti biasa dan pekerja bekerja mengikut norma. Tiada pemberhentian pekerja dilaporkan.




Pembuatan Produk Plastik

Terdapat syarikat industri ini yang beroperasi sepanjang PKP dilaksanakan. Namun begitu, waktu operasi dikurangkan daripada biasa dengan bilangan pekerja yang terhad. Syarikat melaksanakan penggiliran pekerja dan tiada pemberhentian dilaporkan. Nilai jualan yang dilaporkan oleh syarikat juga menunjukkan **pengurangan 20%**



Pembuatan Logam Asas

Terdapat daripada pembuatan logam asas berharga dan logam bukan ferus lain dan pengacuan besi. Semua syarikat tidak beroperasi sepanjang tempoh PKP. Nilai jualan yang dilaporkan juga **berkurangan sehingga 40%**. Tiada pemberhentian pekerja dilaporkan.



Pembuatan Produk Logam, Kecuali Mesin dan Kelengkapan

Semua syarikat industri ini tidak beroperasi sepanjang tempoh PKP. Nilai jualan **berkurangan sehingga 40%**. Pengeluaran produk yang telah dilakukan pada bulan Februari sehingga pertengahan Mac tidak dapat dikeluarkan daripada kilang. Tiada pemberhentian pekerja dilakukan. Namun begitu, terdapat syarikat yang hanya membayar gaji sehingga 17 Mac sahaja.

Pembuatan Produk Galian Bukan Logam Lain

Semua syarikat yang menjalankan aktiviti ini tutup sepanjang PKP. Pengeluaran produk **berkurangan 30%**. Tiada pemberhentian pekerja dilaporkan.





JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A

Impak Covid-19 di Negeri Sembilan

Pembuatan Bahan Aktif Ubat-Ubatan

Industri ini masih beroperasi sepanjang PKP. Nilai hasil jualan juga **meningkat 10%**. Dimaklumkan, permintaan pasaran sangat tinggi namun begitu kapasiti mesin adalah terhad. Tiada pemberhentian pekerja dilaporkan.



Pembuatan Tekstil & Pembuatan Pakaian

Kedua-dua industri ini tidak menjalankan operasi sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. **Penurunan** hasil jualan telah direkodkan dengan **pengurangan 30%** bagi industri pembuatan tekstil dan **pengurangan 49%** bagi industri pembuatan pakaian. Tiada pemberhentian pekerja dilaporkan, namun begitu terdapat pekerja yang gaji diberikan cuti tanpa gaji sepanjang tempoh PKP ini.



Pembuatan Pengilangan dan Pengetaman Kayu

Kebanyakan syarikat tidak beroperasi sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Nilai jualan dianggarkan mengalami **penurunan sehingga 30%**. Antara sebabnya ialah..

- Tiada pengeluaran produk dapat dilakukan kerana tiada permintaan dari kedai-kedai *hardware* (tutup) walaupun mempunyai stok bahan.
- Kontrak untuk penghantaran produk ke luar negara terpaksa ditangguhkan akibat Covid-19.
- Bekalan bahan mentah sukar untuk diperolehi.
- Tiada pemberhentian pekerja dilakukan.



Pembuatan Kertas Gelugur, Kertas Tebal, Bekas Daripada Kertas dan Kertas Tebal

Terdapat syarikat yang beroperasi sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Pengeluaran produk **berkurangan 30%** dan nilai jualan juga dianggarkan **berkurangan 30%**. Tiada pemberhentian pekerja dilaporkan. Pekerja dibenarkan balik awal setelah selesai operasi. Hanya pekerja yang diperlukan sahaja akan bekerja mengikut waktu biasa. Pekerja pentadbiran dibenarkan untuk bekerja dari rumah.



Pembuatan Produk Petroleum Bertapis

Syarikat masih beroperasi seperti biasa sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Nilai jualan **berkurangan di antara 30% hingga 40%** sepanjang PKP. Pengurangan ini disebabkan permintaan yang kurang. Tiada pemberhentian pekerja dilaporkan.



Pembuatan Kimia dan Produk Kimia

Terdapat syarikat masih beroperasi sepanjang tempoh PKP. Namun begitu, kebanyakan syarikat membuat penyesuaian operasi untuk menyesuaikan dengan arahan kerajaan. Antara langkah-langkah yang diambil adalah:

- Waktu beroperasi dipendekkan.
- Kapasiti pengeluaran dikurangkan sehingga 50%
- Sistem penggiliran untuk pekerja hadir bekerja

Nilai hasil jualan turut terkesan dengan **penurunan sehingga 50%**. Terdapat syarikat yang telah mengambil tindakan drastik dengan memberhentikan pekerja sehingga 50%.





JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A

BULETIN KHAS NEGERI

#DOSMBACA #DUDUKDIRUMAH

Astro Awani, 6 Mac 2020 (Jumaat)

JKNNS Terima Dua Berita Tular Mengenai COVID-19

BERNAMA
SEREMBAN: Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan (JKNNS) menjelaskan bahawa kes tujuh anggota kesihatan di Klinik Kesihatan Mantin, Nilai yang dikatakan positif COVID-19 sepertimana tular di aplikasi WhatsApp pada Khamis, masih dalam siasatan..



<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/jknns-terima-dua-berita-tular-mengenai-covid-19-232712>

Astro Awani, 26 Mac 2020 (Khamis)

COVID-19: Tiada Bazar Ramadan di Negeri Sembilan Tahun Ini

SEREMBAN: Penganjuran bazar Ramadan di Negeri Sembilan tahun ini terpaksa dibatalkan sebagai langkah berjaga-jaga bagi membendung penularan wabak COVID-19.

Menurut Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun, keputusan tersebut dicapai selepas mengambil kira keadaan semasa ketika ini.

<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-tiada-bazar-ramadan-di-negeri-sembilan-tahun-ini-235413>

BERNAMA.COM, 7 April 2020 (Selasa)

PKP: Sektor Pertanian Dibenar Beroperasi Legakan Usahawan Tani



SEREMBAN, 7 April -- Keputusan kerajaan membenarkan semua aktiviti, keperluan dan pengangkutan berkaitan pertanian beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), yang memasuki fasa kedua pelaksanaannya, nyata melegakan ramai usahawan tani di negeri ini.

<https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=1829499>

Harian Metro, 13 April 2020 (Isnin)

NS Tangguh Operasi Kedai Elektrik, Elektronik

Mohd Amin Jalil, am@hmetro.com.my

KERAJAAN Negeri Sembilan menangguhkan operasi kedai barangan elektrik dan elektronik di negeri itu sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/566117/ns-tangguh-operasi-kedai-elektrik-elektronik>



Sinar Harian, 18 Mac 2020 (Rabu)

Covid-19: NS Peruntuk RM3 Juta Bantuan Keperluan

Asas Syamilah Zulkifli

SEREMBAN - Kerajaan Negeri Sembilan memperuntukkan RM3 juta untuk menyediakan bantuan barangan keperluan asas harian kepada individu berpendapatan rendah yang terjejas punca pendapatan akibat koronavirus (Covid-19).

<https://www.sinarharian.com.my/article/74345/EDISI/Melaka-NS/Covid-19-NS-peruntuk-RM3-juta-bantuan-keperluan-asas>

Harian Metro, 26 Mac 2020 (Khamis)

Pakej Bantuan Rakyat, Ekonomi RM13.74 Juta



Mohd Amin Jalil, am@hmetro.com.my

KERAJAAN Negeri Sembilan menyediakan inisiatif bantuan dan rangsangan ekonomi berjumlah RM13.74 juta sebagai usaha meringankan beban rakyat ketika berhadapan saat sukar berikutan Covid-19.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/558971/pakej-bantuan-rakyat-ekonomi-rm1374-juta>

Astro Awani, 8 April 2020 (Rabu)

COVID-19: KKM Kesan Sub-kluster Baharu di Rembau

Fareez Azman



PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan sub-kluster baharu COVID-19 di Rembau, Negeri Sembilan yang dikaitkan dengan perhimpunan Sri Petaling.

<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-kkm-kesan-sub-kluster-baharu-di-rembau-237380>

Sinar Harian, 15 April 2020 (Rabu)

NS Lulus 1,108 Projek Bantu Sektor Pembinaan

Syamilah Zulkifli



SEREMBAN - Kerajaan Negeri Sembilan telah meluluskan sebanyak 1,108 projek merangkumi perolehan tender, sebut harga dan undi di bawah peruntukan Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS) berjumlah RM269.44 juta.

<https://www.sinarharian.com.my/article/79027/EDISI/Melaka-NS/NS-lulus-1108-projek-bantu-sektor-pembinaan>

Penafian: Artikel dalam buletin khas ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara ad-hoc di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Lanya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan buletin ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.



@STATSMalaysia



#MyStatsDay



#MyCensus2020



#LeaveNoOneBehind

